PERADUAN ”MINUM SUSU, MENANG EMAS”
ORGANIZED BY FARM FRESH BERHAD

TERMS & CONDITIONS OF THE CONTEST

SECTION I: ORGANIZER AND CONTEST PERIOD

1. The "MINUM SUSU, MENANG EMAS" Contest is organised by Farm Fresh Berhad ("Organizer").
2. The contest (MINUM SUSU, MENANG EMAS) is open to all Malaysian citizens aged 18 and above except Farm Fresh Berhad Group, its subsidiaries, stockists, distributors, home dealers, their respective agents & family members, and related partner agencies involved in this campaign.
3. The Organizer reserves the right to request proof of identity.
4. The Contest will run from 1 September 2026 (00:00:00 AM) until 26 October 2026 (11:59:59 PM) ("Contest Period"). Entries received after the Contest Period will not be accepted.

SECTION II: ELIGIBILITY CRITERIA & SUBMISSION OF ENTRIES

5. Participation methods are as per below:
   a) Participants must purchase a minimum of one (1) Moola ChocoMalt product of any variant together with Farm Fresh products with a minimum purchase value of RM25 in a single receipt.
   b) For purchases made through Farm Fresh Stockists, Home Dealers or Agents, the minimum qualifying purchase of RM25 must include at least one (1) Moola ChocoMalt 800g.
   c) Visit susumenangemas.com, complete the online entry form with accurate personal details. Upload a clear and complete image of the original purchase receipt.
   d) For purchases made through Farm Fresh Home Dealers or Agents, submission of the unique voucher code is mandatory. The original purchase receipt is optional. Each unique voucher code is entitled to one (1) entry only.
   e) Each original receipt is entitled to one (1) entry only. Multiple entries are permitted provided that each submission is accompanied by a different original receipt, duplicate submissions using the same receipt shall be automatically disqualified. However, each participant is only eligible to win one (1) Grand Prize throughout the Contest. The Organizer reserves the right to request the original receipt, unique voucher code, proof of purchase, and any supporting documents for verification purposes. Failure to provide such documents within the period specified by the Organizer may result in disqualification.
   f) Only purchases made from 1 September 2026 until 26 October 2026 are eligible to participate in the Contest. For purchases made through online platforms, the paid date stated on the order/payment record will be used to determine eligibility. Orders with a paid date before 1 September 2026 or after 26 October 2026 will not be eligible, regardless of the delivery date. Any purchase that has been refunded or cancelled will not be eligible to participate in the Contest.

6. By participating, participants agree that:
    a) Entries that are lewd, obscene, sexually explicit, pornographic, disparaging, defamatory, libelous, illegal, offensive, or otherwise contain inappropriate content or objectionable material should not be submitted, and the Organizer reserves the right to remove/ignore or demand the Eligible Participant to remove such entry at any time in the Organizer's sole discretion.
    b) Entries must not contain or reference any names, products or services of any company or entity or any third-party trademarks, logo, trade dress or promotion of any brand, product, or services (other than the Organizer's).
    c) The Organizer reserves the right to forfeit participation if the Participant(s) does not comply with the Contest Rules & Regulations.
    d) All fields in the contest form must be completed accurately, including name and according to Identity Card (IC), a valid email address and contact number. Any uncontactable or false information provided will result in the immediate forfeiture of qualifications.
    e) Entries that violate any rules or gain an unfair advantage while participating in the Contest will be eliminated.

SECTION III: PRIZE FOR WINNER

7. Total prizes worth RM100,000 are available to be won, comprising:
    a) 2 winners x 20g Gold Bar (999.9)
    b) 14 winners x 5g Gold Bar (999.9)
    c) 200 winners x RM100 Touch 'n Go eWallet Credit
8. Twenty-five (25) winners will be selected each week during the Contest Period to receive the RM100 Touch 'n Go eWallet Credit.
9. Winners of the weekly Touch 'n Go eWallet prize remain eligible to win the Grand Prize.
10. All prizes are non-transferable, non-refundable and cannot be exchanged for cash or any other items unless otherwise determined by the Organiser. The Organizer reserves the right to substitute any prize with another prize of equivalent value without prior notice where necessary.

SECTION IV: WINNER SELECTION AND PRIZE REDEMPTION

11. Winners will be randomly selected by the Organiser from among all valid entries received throughout the Contest Period.
12. The announcement of the winners and details on prize fulfilment will be published on Farm Fresh's official social media channels.
13. All winners will be contacted using the contact details submitted through the contest form.
14. Winners will be required to verify their identity with the Organizer before any prize is released.
15. If a winner cannot be contacted, fails to respond within the period specified by the Organizer, fails verification or is found to be ineligible, the Organizer reserves the right to forfeit the prize and select another winner.
16. All Gold Prize winners are required to collect their prizes at a location determined by the Organiser. Any travel, accommodation or incidental expenses incurred in connection with the collection of the prize shall be borne by the winners, unless otherwise stated by the Organiser.

17. By submitting, participants also give consent to the Organizer to publish all information related to their participation, including but not limited to the participants' name, interview, comment excerpts or pictures, for current or future advertising and promotional purposes.

SECTION V: RIGHTS OF THE ORGANIZER

18. The Organizer reserves the right to cancel, terminate, amend and/or suspend the prizes, without the need to provide any prior notice, in the event of circumstances beyond its reasonable control, including fraud, technical failures, regulatory requirements or force majeure events.
19. The Organizer's decision on all matters relating to the Contest, including the winners are final, conclusive, and binding. No correspondence will be entertained. The Organizer reserves the right to shorten or extend the contest period without prior notice.
20. By participating in the Contest, participants are taken to have read, understood and agreed to be bound by these Contest Rules & Regulations, and accept that all decisions by the Organizer are final and binding. The Organizer reserves the right to change, amend, add or delete any of the Contest Rules & Regulations at any time without prior notice to the Participants and the Participants agree to be bound by such changes.
21. Terms and Conditions are provided to participants in both English and Bahasa Malaysia. If there are any inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version of the Terms and Conditions, the provision of the English Terms and Conditions prevails to the extent of the inconsistency. For the avoidance of doubt, the existence of two versions of the Terms and Conditions may not be construed by any party to create duplication or multiplication of the rights and obligations of the Organizer.
22. By participating in the Contest, Participants consent to the collection, processing, use and disclosure of their personal data by the Organizer for the purposes of administering the Contest, verifying eligibility, announcing winners, prize fulfilment and promotional activities in accordance with the Organizer's Privacy Notice and the Personal Data Protection Act 2010.
23. The Organizer reserves the right to reject, disqualify or invalidate any entry which is incomplete, illegible, duplicated, altered, forged, tampered with, generated through automated means, or otherwise determined by the Organizer to be fraudulent or inconsistent with these Terms and Conditions.
24. The Organizer shall not be liable for any loss, damage, injury, claim or expense suffered or incurred by any Participant arising directly or indirectly from participation in the Contest or acceptance, use or redemption of any prize, except where such liability cannot be excluded by law.

PERADUAN ”MINUM SUSU, MENANG EMAS”
DIANJURKAN OLEH FARM FRESH BERHAD

TERMA DAN SYARAT PERADUAN

BAHAGIAN 1: PENGANJUR DAN TEMPOH PERADUAN

1. Peraduan "MINUM SUSU, MENANG EMAS" dianjurkan oleh Farm Fresh Berhad ("Penganjur").
2. Peraduan (MINUM SUSU, MENANG EMAS) dibuka kepada semua rakyat Malaysia (sahaja) berusia 18 tahun ke atas kecuali kakitangan kumpulan Farm Fresh Berhad, stokis, pengedar, Home Dealer, ejen dan agensi-agensi terlibat dalam kempen ini, serta anggota keluarga terdekat masing-masing.
3. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan untuk pengesahan.
4. Tempoh peraduan berlangsung bermula 1 September 2026 (00:00:00 AM) sehingga 26 October 2026 (11:59:59 PM) ("Tempoh Peraduan"). Penyertaan yang diterima selepas tempoh peraduan tidak akan diterima.

BAHAGIAN II: KRITERIA KELAYAKAN & PENGHANTARAN PENYERTAAN

5. Cara penyertaan adalah seperti dibawah:
   a) Peserta hendaklah membeli sekurang-kurangnya satu (1) produk Moola ChocoMalt daripada mana-mana varian bersama produk Farm Fresh yang lain dengan jumlah nilai pembelian minimum sebanyak RM25 dalam satu resit pembelian.
   b) Bagi pembelian yang dibuat melalui Stokis, home Dealer atau Ejen Farm Fresh, pembelian minimum yang melayakkan penyertaan sebanyak RM25 mestilah merangkumi sekurang-kurangnya satu (1) Moola ChocoMalt 800g.
   c) Layari susumenangemas.com, lengkapkan borang penyertaan dalam talian dengan maklumat peribadi yang tepat, dan muat naik imej resit pembelian asal yang jelas dan lengkap.
   d) Bagi pembelian yang dibuat melalui Home Dealer atau Ejen Farm Fresh, kod baucar unik adalah wajib dimuat naik. Resit pembelian asal tidak diwajibkan untuk dimuat naik. Setiap kod baucar unik hanya melayakkan satu (1) penyertaan sahaja.
   e) Setiap resit asal hanya melayakkan satu (1) penyertaan. Penyertaan berganda dibenarkan dengan syarat setiap penyertaan disertakan dengan resit asal yang berbeza. Penyertaan berulang yang menggunakan resit yang sama akan dibatalkan secara automatik. Walaubagaimanapun, setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Utama sepanjang tempoh Peraduan. Penganjur berhak untuk meminta resit asal, kod baucar unik, bukti pembelian dan mana-mana dokumen sokongan bagi tujuan pengesahan. Kegagalan untuk mengemukakan dokumen tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Penganjur boleh menyebabkan penyertaan dibatalkan.
   f) Hanya pembelian yang dibuat dari 1 September 2026 hingga 26 Oktober 2026 layak untuk menyertai Peraduan ini. Bagi pembelian yang dibuat melalui platform dalam talian, tarikh pembayaran seperti yang dinyatakan dalam rekod pesanan/pembayaran akan digunakan untuk menentukan kelayakan. Pembelian dengan tarikh pembayaran sebelum 1 September 2026 atau selepas 26 Oktober 2026 tidak layak menyertai Peraduan ini, tanpa mengira tarikh penghantaran. Sebarang pembelian yang telah menerima bayaran

balik atau pembelian yang dibatalkan tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.

6. Kandungan penyertaan perlu mengikut garis panduan di bawah:
    a) Penyertaan yang mengandungi kandungan lucah, tidak senonoh, berunsur seksual, pornografi, menghina, mencemarkan nama baik, memfitnah, menyalahi undang-undang, menyinggung perasaan, atau mengandungi apa-apa kandungan yang tidak sesuai atau bahan yang boleh dipertikaikan, tidak boleh dikemukakan. Penganjur berhak untuk membuang, mengabaikan atau meminta Peserta yang Layak untuk membuang penyertaan tersebut pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlak Penganjur.
    b) Penyertaan tidak boleh mengandungi atau merujuk kepada mana-mana nama, produk atau perkhidmatan mana-mana syarikat atau entiti, atau mana-mana tanda dagangan, logo, identiti visual atau promosi pihak ketiga bagi mana-mana jenama, produk atau perkhidmatan, selain daripada milik Penganjur.
    c) Penganjur berhak membatalkan kelayakan penyertaan Peserta sekiranya Peserta gagal mematuhi mana-mana Peraturan dan Terma Peraduan.
    d) Semua ruangan dalam borang penyertaan hendaklah dilengkapkan dengan maklumat yang tepat dan benar, termasuk nama seperti yang tertera pada Kad Pengenalan (KP), alamat e-mel yang sah dan nombor telefon untuk dihubungi. Sebarang maklumat palsu atau maklumat yang menyebabkan Peserta tidak dapat dihubungi akan mengakibatkan pembatalan kelayakan penyertaan serta-merta.
    e) Penyertaan yang melanggar mana-mana peraturan atau yang memberikan kelebihan secara tidak adil kepada Peserta dalam menyertai Peraduan akan dibatalkan dan tidak akan dipertimbangkan.

BAHAGIAN III: HADIAH UNTUK PEMENANG

7. Jumlah keseluruhan hadiah bernilai RM100,000 untuk dimenangi, yang terdiri daripada:
    a. 2 pemenang × Jongkong Emas 20g (999.9)
    b. 14 pemenang × Jongkong Emas 5g (999.9)
    c. 200 pemenang × Kredit Touch 'n Go eWallet bernilai RM100
8. Seramai dua puluh lima (25) pemenang akan dipilih pada setiap minggu sepanjang tempoh peraduan untuk menerima Kredit Touch 'n Go eWallet bernilai RM100.
9. Pemenang hadiah mingguan Touch 'n Go eWallet masih layak untuk memenangi Hadiah Utama.
10. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan lain, melainkan ditentukan sebaliknya oleh Penganjur. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu sekiranya perlu.

BAHAGIAN IV: PEMILIHAN PEMENANG DAN PENEBUSAN HADIAH

11. Pemenang akan dipilih secara rawak oleh Penganjur daripada semua penyertaan sah yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan.

12. Pengumuman pemenang dan maklumat berkaitan penyerahan hadiah akan diumumkan melalui saluran media sosial rasmi Farm Fresh.
13. Semua pemenang akan dihubungi menggunakan maklumat yang dihantar melalui borang penyertaan.
14. Pemenang dikehendaki mengesahkan identiti mereka dengan Penganjur sebelum sebarang hadiah diserahkan.
15. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi dalam tempoh yang ditetapkan oleh Penganjur, gagal dalam proses pengesahan atau didapati tidak layak, Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang tersebut dan memilih pemenang lain.
16. Semua pemenang Hadiah Emas dikehendaki mengambil hadiah mereka di lokasi yang ditentukan oleh Penganjur. Sebarang kos perjalanan, penginapan atau perbelanjaan sampingan yang ditanggung berkaitan dengan pengambilan hadiah hendaklah ditanggung oleh pemenang, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Penganjur.
17. Dengan mengemukakan penyertaan, peserta juga memberikan persetujuan kepada Penganjur untuk menerbitkan semua maklumat berkaitan penyertaan mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama peserta, temu bual, petikan komen atau gambar, bagi tujuan pengiklanan dan promosi semasa atau pada masa akan datang.

BAHAGIAN V: HAK PENGANJUR

18. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan, meminda dan/atau menggantung pemberian hadiah tanpa perlu memberikan sebarang notis terlebih dahulu sekiranya berlaku keadaan di luar kawalan Penganjur, termasuk penipuan, kegagalan teknikal, keperluan undang-undang atau peristiwa di luar kawalan Penganjur.
19. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan dengan Peraduan, termasuk pemilihan pemenang, adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat atau pertanyaan tidak akan dilayan. Penganjur berhak untuk memendekkan atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.
20. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Peraturan dan Terma Peraduan ini, serta menerima bahawa semua keputusan Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk mengubah, meminda, menambah atau memadam mana-mana Peraturan dan Terma Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu kepada Peserta, dan Peserta bersetuju untuk terikat dengan sebarang perubahan tersebut.
21. Terma & Syarat ini disediakan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua versi yang disediakan, Terma dan Syarat Peraduan versi Bahasa inggeris akan diguna pakai. Untuk mengelakkan keraguan, kewujudan dua versi Terma dan Syarat tidak boleh di salah tafsir oleh mana-mana pihak yang boleh mewujudkan penduaan atau pertambahan terhadap hak dan tanggungjawab penganjur.
22. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju terhadap pengumpulan, pemprosesan, penggunaan dan pendedahan data peribadi mereka oleh Penganjur bagi tujuan menguruskan Peraduan, mengesahkan kelayakan,

mengumumkan pemenang, penyerahan hadiah dan aktiviti promosi selaras dengan Notis Privasi Penganjur dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

23. Penganjur berhak untuk menolak, membatalkan atau mengisytiharkan tidak sah mana-mana penyertaan yang tidak lengkap, tidak jelas, dikemukakan lebih daripada sekali, diubah suai, dipalsukan, diusik, dijana melalui kaedah automatik atau yang sebaliknya dianggap oleh Penganjur sebagai penipuan atau tidak mematuhi Terma dan Syarat ini.
24. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerosakan, kecederaan, tuntutan atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana Peserta yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan dalam Peraduan atau penerimaan, penggunaan atau penebusan mana-mana hadiah, kecuali jika liabiliti tersebut tidak boleh dikecualikan di sisi undang-undang.